

**Khalid Enggan Ulas Saranan Anwar Tidak Bubar DUN Serentak
Bernama
19 April , 2012**

PUTRAJAYA, 19 April (Bernama)-- Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim enggan mengulas saranan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya tidak membubarkan Dewan Undangan Negeri(DUN) bagi mengadakan pilihan raya serentak dengan kerajaan Persekutuan.

"Saya tidak nak jawab perkara-perkara itu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof bersama barisan anggota Exco Selangor, di sini Khamis.

Anwar, ketika membuat saranan itu di perjumpaan pimpinan Pakatan Rakyat di Kuala Lumpur semalam berkata Selangor tidak seharusnya menyertai pilihan raya yang akan datang sekiranya Suruhanjaya Pilihan Raya gagal membersihkan senarai daftar pemilih.

Bagaimanapun beliau tidak pula membabitkan tiga lagi kerajaan negeri yang ditadbir pembangkang iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan.

Sebelum ini Abdul Khalid dilaporkan berkata DUN Selangor tidak akan dibubarkan meskipun kerajaan Persekutuan membubarkan Parlimen lebih awal dan hanya bersedia menyertai pilihan raya umum ke-13 jika ia diadakan selepas Jun 2012.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660498>